

SOALAN NO.: 26

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. DATUK JUMAT BIN IDRIS
KAWASAN : SEPANGGAR**

SOALAN:

YB. DATUK JUMAT BIN IDRIS minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:

- a) bilakah perlaksanaan jalan Pan Borneo Jajaran Putatan-Sepanggar akan dimulakan; dan
- b) berapakah kos bagi perlaksanaan pembinaan jalan ini.

70

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo di Sabah dilaksanakan secara 3 fasa. Fasa pertama melibatkan laluan Sindumin – Beaufort – Kota Kinabalu – Tuaran – Kudat; dan juga laluan Ranau – Telupid – Lahad Datu – Tawau. Fasa kedua pula melibatkan jajaran Tamparuli – Ranau; manakala fasa ketiga dari Tawau – Keningau – Kimanis. Bagi pelaksanaan Fasa 1 projek, jarak keseluruhan jalan adalah 706 km. Manakala bagi Fasa 2 dan 3 projek, jarak keseluruhan jalan masih dalam peringkat penilaian.

Merujuk kepada jajaran Putatan Sepanggar, jajaran tersebut merupakan sebahagian daripada Fasa 1 projek dan merangkumi 2 pakej, iaitu Pakej Putatan-Inanam dan Pakej Inanam-Sepanggar dengan jarak masing-masing adalah lebih kurang 19.5 km dan 9 km. Proses tender bagi Kedua-dua pakej tersebut dijangka selesai pada penghujung tahun 2017 dan kos pembinaannya hanya akan dapat ditentukan setelah proses penilaian selesai dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.